From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PENSYARAH KERJA SOSIAL UUM SANTUNI KOMUNITI AUTISME SABAH
Date: Tuesday, 22 September, 2026 10:19:13 AM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

22 SEPTEMBER 2026 / 10 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita dan gambar oleh: Dr. Nurhazlina Mohd Ariffin

PENSYARAH KERJA SOSIAL UUM SANTUNI KOMUNITI AUTISME SABAH



UUM ONLINE: Kota Kinabalu - Seramai 12 pensyarah Program Kerja Sosial, Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP), Universiti Utara Malaysia (UUM) turun padang menyantuni komuniti autisme menerusi pelaksanaan aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) di Pusat Autisme Sabah (PAUS), Sembulan, di sini.

Program yang merupakan sebahagian daripada inisiatif *"Social Work Care: Clean, Care & Connect"* itu menjadi platform warga akademik UUM untuk menyumbang tenaga dan masa kepada komuniti, di samping memperkukuh jaringan kerjasama antara universiti dengan masyarakat.

Aktiviti berkenaan memberi tumpuan kepada usaha menyantuni anak-anak autisme serta menyokong persekitaran dan aktiviti yang disediakan oleh PAUS untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

Kehadiran warga SAPSP UUM turut membuka ruang interaksi secara lebih dekat bersama komuniti, sekali gus memberikan pengalaman bermakna kepada para pensyarah dalam memahami keperluan, cabaran serta aspirasi golongan autisme dan OKU.

Dalam suasana mesra dan inklusif, para sukarelawan turut berpeluang berkongsi nilai empati, kepedulian dan penerimaan sosial yang menjadi antara nilai penting dalam amalan kerja sosial.

Dekan SAPSP, Prof. Madya Dr. Zarina Mat Saad berkata, penglibatan warga akademik dalam aktiviti kemasyarakatan seperti ini mencerminkan komitmen SAPSP UUM untuk terus memainkan peranan aktif dalam memperkukuh hubungan universiti dengan komuniti.



“Inisiatif ini mencerminkan komitmen SAPSP UUM untuk terus memperkukuh jaringan bersama komuniti serta mengangkat nilai *‘Clean, Care & Connect’* melalui aktiviti yang memberi manfaat kepada masyarakat.

“Program seumpama ini diharapkan dapat diteruskan secara berterusan sebagai sebahagian daripada usaha membina komuniti yang lebih inklusif, penyayang dan berdaya sokong,” katanya.

Beliau berkata, pendekatan turun padang juga memberi peluang kepada warga akademik untuk menghubungkan ilmu dan amalan kerja sosial dengan realiti kehidupan masyarakat.

“Pengalaman berinteraksi secara langsung dengan komuniti membolehkan kita memahami bahawa usaha membina masyarakat yang inklusif memerlukan penglibatan dan sokongan daripada pelbagai pihak,” katanya.

Program tersebut turut mengangkat nilai kesukarelawanan, empati dan tanggungjawab sosial dalam kalangan warga universiti, selaras dengan peranan UUM sebagai institusi pendidikan yang turut memberi perhatian kepada kesejahteraan masyarakat.

Melalui inisiatif *“Social Work Care: Clean, Care & Connect”,* SAPSP UUM komited untuk memperluaskan penglibatan kerja sosial dalam komuniti melalui pendekatan yang berterusan, inklusif dan berorientasikan kesejahteraan masyarakat.

Inisiatif ini diharapkan dapat terus memperkukuhkan jaringan antara UUM dan komuniti serta menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang lebih prihatin, inklusif dan saling menyokong.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.